



**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
PEMBANTU TEKNIK**

UKUR BAHAN

KOD : PTU02

**SUBJEK : AMALAN & PROSEDUR TENDER/
KONTRAK**

TARIKH : 27 APRIL 2009

MASA : 2.00 PTG - 5.00 PTG

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

PERKARA : PTU02 – AMALAN DAN PROSEDUR TENDER/KONTRAK

ARAHAN KEPADA CALON

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja*

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan

SOALAN 1

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan Wang Peruntukan Sementara?
(5 markah)
- b) Nyatakan cara pelaksanaan untuk membelanjakan Wang Peruntukan Sementara tersebut.
(10 markah)
- c) Apakah yang dimaksudkan dengan Wang Kos Prima?
(5 markah)

SOALAN 2

- a) Nyatakan keahlian Jawatankuasa Pembuka Tender.
(5 markah)
- b) Senaraikan tugas Jawatankuasa Pembuka Tender.
(10 markah)
- c) Apakah yang dimaksudkan dengan 'Dokumen Tender Diklasifikasikan sebagai SULIT' semasa penilaian tender.
(5 markah)

SOALAN 3

- a) Nyatakan asas penilaian tender yang perlu diberi perhatian oleh Jawatankuasa Penilaian Tender.

(10 markah)

- b) Penilaian Tender JKR dibahagikan kepada **tiga (3)** kategori. Nyatakan kategori tersebut.

(3 markah)

- c) Nyatakan **tujuh (7)** dokumen sokongan yang perlu disertakan semasa petender menyertai tender.

(7 markah)

SOALAN 4

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan:

- i) Surat Niat
- ii) Surat Setuju Terima
- iii) Surat Ikatan Penyerahan Hak
- iv) Tempoh Siap Kontrak.

(16 markah)

- b) Nyatakan apakah dokumen yang perlu dikemukakan sebelum memulakan kerja.

(4 markah)

SOALAN 5

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan kontrak dan mengapa kontrak diperlukan?

(6 markah)

- b) Nyatakan **empat (4)** kaedah pelaksanaan kontrak pembinaan.

(4 markah)

- c) Senaraikan dokumen-dokumen yang menjadi sebahagian daripada dokumen kontrak yang menggunakan Borang JKR 203A.

(10 markah)

SOALAN 6

- a) Nyatakan kelayakan kontraktor bagi kerja undi.

(8 markah)

- b) Senaraikan kaedah/prosedur bagi kerja undi.

(12 markah)

SOALAN 7

- a) Nyatakan perbezaan tender terbuka dan tender terhad.

(4 markah)

- b) Nyatakan kebaikan dan keburukan tender terbuka.

(8 markah)

SOALAN 7 (sambungan)

- c) Nyatakan kebaikan dan keburukan tender terhadap.

(8 markah)

SOALAN 8

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan penyiapan kerja?

(5 markah)

- b) Apakah yang dimaksudkan dengan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan?

(5 markah)

- c) Jelaskan tatacara pelepasan Bon Pelaksanaan dan Wang Jaminan Pelaksanaan setelah Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

(10 markah)

SOALAN 9

- a) Apakah tindakan yang perlu diberi perhatian untuk mempelawa semula tender?

(10 markah)

- b) Senaraikan tindakan yang perlu dibuat oleh Pegawai Penguasa apabila perkhidmatan kontraktor ditamatkan.

(10 markah)

SOALAN 10

a) Senaraikan tatacara pengiklanan tender.

(5 markah)

b) Apakah kandungan kenyataan tender?

(10 markah)

c) Apakah yang dimaksudkan dengan tempoh sahlaku tender?

(5 markah)
